



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KPKT KOMITED DALAM MEMPERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN
EKONOMI KITARAN KE ARAH MATLAMAT MALAYSIA BERDAYA HUNI**



Pada 27 Mac 2022– YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengetuai delegasi Kementerian ke Ekspo 2020 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) selama empat hari bermula pada 26 hingga 29 Mac 2022. Beliau telah menyampaikan ucap-tama dan merasmikan Minggu Ekonomi Kitaran yang merupakan tema bagi minggu terakhir Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung dari 27 hingga 31 Mac 2022 di Astaka Malaysia.

Minggu Ekonomi Kitaran ini diselaras oleh Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation dan diterajui oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air serta melibatkan pelbagai syarikat dan pemain industri berkaitan Ekonomi Kitaran. KPKT selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia turut memainkan peranan penting dalam menerajui agenda Ekonomi Kitaran di Malaysia.

Kehadiran YB Dato' Sri Reezal Merican serta delegasi ke Minggu Ekonomi Kitaran adalah signifikan dalam memperkukuh agenda kitar semula ekonomi negara. Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican penglibatan delegasi Malaysia dalam world expo seperti ini akan dapat memberi pendedahan dan meningkatkan peluang kerjasama Malaysia dengan pelbagai negara peserta serta pemain industri dalam bidang ekonomi kitaran. KPKT juga sedang mengusahakan penubuhan Majlis Ekonomi Kitaran Negara sebagai satu platform strategik yang menghimpunkan 2 pelbagai pemegang taruh dan pihak berkepentingan agar usaha ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh serta memberi manfaat ekonomi kepada negara.

Beliau turut menyatakan bahawa ketika ini Kerajaan telah memulakan inisiatif wasteto-energy bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap tapak pelupusan sampah dan pada akhirnya membolehkan pemerolehan semula sisa (waste recovery) dapat dilaksanakan dalam satu kitaran semula ekonomi terhadap pengeluar atau industri. Selain itu, ini juga dapat menarik lebih ramai pelabur asing dalam meningkatkan keyakinan perdagangan ke Malaysia terutama dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan ekonomi kitaran sebagai salah satu usaha mempergiat pemuliharaan ekonomi negara dan aspirasi Malaysia sebuah negara berdaya huni.

YB Dato' Sri Reezal Merican serta delegasi juga akan mengadakan lawatan kerja ke Farz Material Recovery Facility dan meninjau pembangunan Dubai Smart City di Dubai. Lawatan kerja ini bertujuan berkongsi pendekatan terbaik dalam melihat potensi ekonomi pengurusan sisa pepejal dan sisa sifar (zero waste) serta pembangunan bandar pintar yang dilaksanakan di Dubai. Turut serta Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT.

Ekspo 2020 Dubai yang bertemakan "Connecting Minds Creating the Future" sedang berlangsung di Dubai, UAE bermula dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022 selama 6 bulan. Ia merupakan World Expo pertama yang diadakan di rantau Asia Barat, Afrika dan Asia Selatan yang disertai oleh 192 negara dan organisasi dengan sasaran pengunjung seramai 25 juta orang dalam tempoh 6 bulan berlangsungnya Ekspo tersebut. Selari dengan 'Enam Fokus Malaysia Berdaya Huni 2022 KPKT', YB Dato' Sri Reezal Merican terus meletakkan komitmen agenda Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia dalam pengurusan sisa pepejal yang efektif demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.